



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Suri rumah rugi RM5,900 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Utusan Sarawak  
Date: 4 March 2022

Language: Malay  
Section: Tempatan  
Page: 16

# Suri rumah rugi RM5,900 ditipu Macau Scam

**MIRI:** Seorang suri rumah berputih mata selepas wang simpanannya berjumlah RM5,900 lesap akibat diperdaya sindiket Macau Scam.

Dalam kejadian 1 Mac lalu, mangsa yang berusia

23 tahun dihubungi seorang individu yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang menyatakan mangsa mempunyai hutang LHDN berjumlah RM36,600.

Difahamkan, panggilan tersebut kemudian telah disambungkan kepada seseorang individu lagi yang menyamar sebagai pegawai polis dan seterusnya disambungkan kepada pihak Bank

Negara.

Dalam perbualan telefon dengan Bank Negara, mangsa telah menyerahkan butiran diri dan dokumen bank.

Selepas itu, mangsa membuat semakan akaun banknya

dan mendapati wang simpanan sebanyak RM5,900 telah lesap.

Menyedari dirinya ditipu, mangsa kemudian membuat laporan di Balai Polis Lutong untuk tindakan lanjut.